

24/04/2002

Dasar masih relevan tetapi perlu perubahan

aran dan Sumbangan 2002" by Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakan kerajaan sejak 1982, akan dikaji semula supaya sesuai dengan keperluan semasa negara, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Samsudin berkata, dasar itu masih relevan tetapi beberapa perubahan, terutama pada peringkat pelaksanaan, perlu dilakukan kerana dasar itu sudah dilaksanakan selama 20 tahun.

"Selepas 20 tahun tentulah ada beberapa isu yang berkaitan pelaksanaan dasar itu perlu dikaji semula," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Dasar Pandang Ke Timur Malaysia: Cabaran dan Sumbangan, di Hotel Nikko di sini hari ini.

Persidangan dua hari yang bermula semalam itu, dianjurkan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kedutaan Jepun, Kedutaan Korea Selatan, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Persatuan Alumni Dasar Pandang Ke Timur (ALEPS).

Hadir sama Duta Besar Jepun, Masaki Konishi, Duta Besar Korea Selatan, Rhee Young Min dan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain.

Dasar Pandang Ke Timur diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1982, tidak lama selepas beliau menjadi Perdana Menteri.

Dasar itu bertujuan menyemai etika kerja, nilai serta kualiti pengurusan berasaskan model Jepun dan Korea Selatan dalam masyarakat Malaysia, khususnya dalam perkhidmatan awam, bagi menjayakan agenda pembangunan negara.

Samsudin berkata, model Jepun dan Korea Selatan masih relevan kerana matlamat utama Dasar Pandang Ke Timur adalah mencontohi nilai positif masyarakat kedua-dua negara itu yang sebelum ini terbukti mampu menjadikan negara terbabit maju di rantau Asia.

Katanya, nilai positif inilah yang memberi kekuatan kepada Malaysia untuk menghadapi cabaran dan persaingan pada peringkat antarabangsa selain menghadapi krisis ekonomi Asia Timur pada 1997 dulu.

"Tanpa nilai-nilai positif ini, kita tidak mampu untuk mengatasi cabaran dan kita mungkin tidak mempunyai daya pulih untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Menjawab soalan, Samsudin berkata Dasar Pandang Ke Timur akan diteruskan dan kerajaan akan memberi komitmen perlu bagi memastikan pelaksanaannya berjaya.

Katanya, kerajaan membelanjakan kira-kira RM72 juta setahun bagi melaksanakan beberapa program dasar itu, termasuk penghantaran pelajar ke Jepun dan Korea Selatan.

"Malah, Kerajaan Jepun dan Korea Selatan juga memberi komitmen sama untuk menyokong dan meneruskan kerjasama dengan Malaysia bagi memastikan kejayaan dasar itu.

Samsudin berkata hakikat bahawa dasar itu sudah dilaksanakan selama 20 tahun lalu membuktikan ia membawa keuntungan kepada Malaysia.

Mengenai manfaat terhadap pegawai yang dihantar berkursus di Jepun dan Korea Selatan di bawah program dasar itu, secara berseloroh dan merujuk kejayaan beliau menjawat kedudukan tertinggi dalam perkhidmatan awam beliau berkata: "Lihatlah diri saya."

Katanya, beliau serta pegawai awam lain yang berpeluang mengikuti kursus itu, mempelajari banyak perkara baru dalam urusan pentadbiran dan dapat menggunakan pengalaman itu dalam pentadbiran kerajaan.

(END)